

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN MANIVANAN A/L GOWINDASAMY  
[ KAPAR ]**

**TARIKH : 16 JUN 2014**

**SOALAN :**

**Tuan Manivanan a/l Gowindasamy [ Kapar ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jelaskan kecenderungan dan rasional Kerajaan untuk meletakkan Program PERMATA Negara dan ESSCOM di bawah Jabatan Perdana Menteri dan bukannya Kementerian Pendidikan (dalam aspek pendidikan awal) dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (dalam aspek kebajikan kanak-kanak) untuk Program PERMATA Negara dan Kementerian Pertahanan mahupun Kementerian Dalam Negeri untuk ESSCOM. Bagaimanakah pertindihan bidang kuasa sebegini dapat meningkatkan kecekapan dan keberkesanan fungsi Kementerian-Kementerian berkenaan.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Program PERMATA Negara menyediakan Program Asuhan dan Didikan Awal yang bersepadu khusus bagi kanak-kanak dari lahir hingga usia 4 tahun. Ianya menyediakan peluang kepada kanak-kanak di bawah umur 4 tahun untuk mendapat pengalaman pembelajaran awal yang berkualiti bagi membina keupayaan mereka secara menyeluruh. Objektif utamanya ialah bagi memastikan setiap kanak-kanak yang lahir akan diberikan peluang memulakan pembelajaran terbaik (*the best start in life*) melalui program asuhan dan didikan yang berkualiti.

Pelaksanaan Program PERMATA Negara telah pun ditetapkan berasaskan aspek perundangan, prinsip bidang tugas, amalan sedia ada dan kesediaan agensi. Berdasarkan kepada Akta Pelajaran 1996, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) hanya mempunyai bidang kuasa untuk melaksanakan program bagi kanak-kanak berumur 4 hingga 6 tahun sahaja. Manakala Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Akta Taman Asuhan Kanak-kanak Tahun 1984, bertanggungjawab meliputi antara lain aspek pendaftaran, pengawalan dan pemeriksaan TASKA bagi mematuhi penetapan ciri-ciri piawaian minimum yang merangkumi tahap kesihatan, keselamatan, kebersihan, nisbah pengasuh dan nisbah ruang bagi pusat-pusat yang berdaftar. Dalam hal ini, kedua-dua kementerian tidak mempunyai bidang kuasa yang khusus untuk melaksanakan program asuhan dan didikan awal bagi kanak-kanak di bawah umur 4 tahun secara bersepadu. Sehubungan itu, Program PERMATA Negara telah di letakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Namun demikian, dalam pelaksanaannya, program PERMATA Negara di Jabatan Perdana Menteri bekerjasama rapat dengan kedua-dua kementerian tersebut iaitu KPM dalam aspek yang melibatkan didikan awal kanak-kanak dan KPWKM dalam aspek pengasuhan dan pemantauan.

Tuan Yang di-Pertua,

Merujuk kepada ESSCOM pula, penubuhan ESSCOM ini sebenarnya merupakan bukti usaha Kerajaan dalam memastikan keselamatan dan kedaulatan Malaysia sentiasa dijaga dan terpelihara. Seperti yang telah kita sedia maklum, ESSCOM yang dianggotai oleh beberapa agensi penguatkuasaan dan keselamatan dari pelbagai Kementerian akan bertindak sebagai “ejen penguatkuasaan keselamatan” dalam memastikan dan mempertingkatkan keselamatan dan kesejahteraan rakyat Malaysia, khususnya di Kawasan Timur Sabah daripada pelbagai ancaman dari luar dan dalam.

Oleh yang demikian, mengambil kira keanggotaan ESSCOM yang terdiri daripada beberapa agensi keselamatan dan penguatkuasaan seperti ATM, PDRM dan APMM ini memerlukan gerakan serta pemantauan rapi, bersepadu dan menyeluruh, maka Kerajaan telah memutuskan supaya ESSCOM diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM) di mana Majlis Keselamatan Negara (MKN) bertindak sebagai Sekretariat Jawatankuasa Pemantau ESSCOM.

Sekian. Terima kasih.